

Ramai tidak sedar bahaya pil kurus

Oleh IKHWAN HAZWAN HAMIDUN
ikhwan.hamidun@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Keinginan mempunyai badan yang cantik dan langsing dengan cepat menyebabkan sebilangan pengguna hari ini tidak menghiraukan kesan sampingan daripada pengambilan ubat-ubatan yang boleh membahayakan diri mereka.

Ada antara mereka yang cuba mengambil jalan singkat untuk mengurangkan berat badan tanpa mengamalkan diet yang seimbang sehingga menyebabkan mereka menderita penyakit seperti bulimia (memuntahkan makanan) dan anoreksia (takut untuk makan).

Lebih membimbangkan, terdapat pihak yang terlalu taksud dengan kempen penjualan pil-pil kurus seperti pil Duromine yang sebenarnya boleh memberikan kesan buruk kepada diri sendiri.

Pil berkenaan tidak boleh dibeli di farmasi ataupun kedai ubat kerana ia merupakan ubat kawalan dan boleh didapati melalui preskripsi doktor sahaja.

Menurut seorang pengamal per-

ubatan, Dr. Hamdi Mohd. Noor (**gambar kecil**), pil Duromine sebenarnya hanya dibenarkan kepada mereka yang mengalami risiko perubatan sekiranya terus mempunyai berat badan berlebihan.

Beliau berkata, pil tersebut akan bertindak merangsang otak untuk mengawal selera makan seseorang.

"Duromine juga cuma diberikan kepada mereka yang mempunyai indeks jisim badan (BMI) yang melebihi 30 agar berat badan mereka dapat dikurangkan.

"Ia selalunya diambil untuk tempoh masa yang singkat dan sekiranya tidak menunjukkan sebarang perubahan selepas dua minggu maka pengambilannya harus dihentikan," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Dalam perkembangan yang sama, Pegawai Perubatan di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah, Dr. Norfazilawaty Abdul Latif memberitahu, pil tersebut mempunyai banyak kesan sampingan yang boleh menjejaskan kesihatan seseorang.

"Sesiapa yang mengambil pil

INFO Pil Duromine

- Nama saintifiknya Phentermine
- Fungsi utamanya digunakan untuk mengawal selera makan
- Diberikan kepada mereka yang berisiko sekiranya terus gemuk
- Tidak boleh dibeli di farmasi
- Hanya boleh didapati dengan preskripsi doktor sahaja
- Berharga sekitar RM2.50 sebiji

Antara kesan sampingannya:

- Kegagalan buah pinggang
- Gangguan atau susah untuk tidur
- Sembelit
- Jantung berdegar cepat
- Mengganggu metabolisme hati

Sumber:

www.mims.com/malaysia

tersebut sebenarnya berisiko tinggi untuk mendapat pelbagai jenis penyakit seperti kegagalan buah pinggang, gangguan atau susah untuk tidur, sembelit, mati pucuk dan banyak lagi.

"Pil tersebut juga akan mengganggu metabolisme hati di mana hati tidak dapat memproses glukosa dengan sempurna dan ak-



PIL Duromine boleh mendatangkan bahaya jika digunakan tanpa merujuk kepada doktor terlebih dulu. - Gambar hiasan

hirnya ia akan menjejaskan kesihatan," katanya.


Tambah Norfazilawaty, pengambilan pil tersebut merupakan jalan terakhir kepada mereka yang mengalami masalah berat badan kerana ia bukanlah cara yang betul untuk mengurangkan berat badan.

Sehubungan itu, beliau meny-

rankan kepada sesiapa yang ingin mengurangkan berat badan supaya mengubah cara hidup yang sedia ada kepada amalan yang lebih sihat.

Ujarnya, menjaga pemakanan, bersenam dan mengamalkan diet yang seimbang merupakan cara yang sihat dan tidak membahayakan kesihatan.

Eksklusif



ikosmo 30/10/12 MS15.